

## TAHAP KEPRIHATINAN MAHASISWA TVET TERHADAP PENDEKATAN DERMA SOSIAL

Azli Syam Awang<sup>1</sup>, Sazila Yusof<sup>2</sup>, Dicky Wiwittan Toto Ngadiman<sup>3</sup>

Politeknik Kota Kinabalu, 88460 Kota Kinabalu, Sabah

<sup>1</sup>azli@polikk.edu.my

<sup>2</sup>sazila@polikk.edu.my

<sup>3</sup>dicky@polikk.edu.my

**Abstrak:** Banyak rencana yang ditulis akhbar tempatan memberi penekanan terhadap perlunya kesedaran sivik dalam kalangan pelajar supaya nilai-nilai murni dan wujudnya rasa tanggungjawab dan membantu orang lain tersemat dalam diri. Berdasarkan kepada isu-isu semasa berkaitan kesejahteraan sosial, kajian perlu dijalankan untuk melihat tahap keprihatinan mahasiswa yang dianggap sebagai golongan terdidik terhadap kesedaran untuk membantu komuniti setempat. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk menilai tahap keprihatinan mahasiswa TVET Politeknik Kota Kinabalu (PKK), Sabah terhadap pendekatan sumbangan derma kepada masyarakat. Instrumen soal selidik akan digunakan untuk mendapatkan pandangan daripada responden. Seramai 152 pelajar Politeknik Kota Kinabalu, Sabah terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian ini akan dianalisis secara deskriptif dan hasilnya akan ditunjukkan dalam rajah agar mudah fahami oleh pembaca. Kajian ini perlu dijalankan bagi meninjau sejauh mana pendidikan berkaitan keprihatinan terhadap masyarakat setempat telah diterapkan. Di samping itu, dapatan kajian juga dapat meramal sejauh mana sumbangan derma kilat dapat dikumpulkan apabila berlakunya musibah dalam komuniti setempat.

*Kata kunci:* *keprihatinan, derma, mahasiswa*

### 1. Pengenalan

Pendidikan yang seimbang adalah yang memberi penekanan terhadap aspek jasmani dan rohani. Aspek rohani termasuklah kesedaran terhadap pendidikan sivik yang menerapkan nilai-nilai murni seperti keprihatinan dan menolong orang lain. Terdapat banyak pendekatan yang boleh diambil untuk membantu komuniti setempat, antaranya ialah melalui pendekatan menderma kepada yang memerlukan. Namun begitu, menurut Oarga, Stavrova dan Fetschenhauer (2015), menolong orang lain adalah baik dan dapat menghasilkan kebaikan dalam membangunkan kesejahteraan komuniti jika ia bermotivasi secara intrinsik, dan bukannya didorong oleh harapan untuk mendapatkan ganjaran. Kesejahteraan sosial atau kebajikan sosial akan mendatangkan manfaat yang besar seperti yang dikemukakan oleh Deci et al. (1975) adalah dengan menolong orang lain yang didorong daripada dalaman dan bukannya memerlukan ganjaran luaran, seperti pampasan material atau timbal balik (Meier & Stutzer, 2004). Menurut Gebauer et al. (2008) dan Weinstein dan Ryan (2010), harapan terhadap balasan daripada sumbangan akan menghasilkan perkara yang tidak baik.

Kajian yang dijalankan oleh Lee dan Chang (2007) menerangkan bahawa derma terbahagi kepada dua bentuk utama iaitu masa dan wang. Dalam kajian Lee dan Chang (2007) menjelaskan bahawa penentu yang mempengaruhi penglibatan program sukarelawan kebanyakannya bersifat intrinsik, sementara yang menentukan untuk sumbangan wang kebanyakannya ekstrinsik. Selain itu, kajian tersebut juga mendapati pencapaian dalam pendidikan dan pendapatan seseorang berguna untuk menjelaskan dan meramalkan jumlah sumbangan wang.

Pendekatan derma perlu disemai sejak dari kecil lagi, bermula daripada jumlah yang kecil sehinggalah kepada jumlah yang besar. Perkara ini telah dibincangkan oleh Intan (2020) yang mencadangkan supaya hidup bermasyarakat perlu dimulakan dengan adik-beradik atau saudara terdekat dahulu. Dari situ, ibu dan ayah boleh melihat kaedah mana yang sesuai untuk memupuk semangat berkongsi anak. Apabila mereka mampu berkongsi, kehidupan ibu bapa juga akan jadi lebih tenang dan senang kerana anak akan mula menjaga antara satu sama lain. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk menilai tahap keprihatinan mahasiswa terhadap pendekatan derma sosial yang mana kajian ini dapat meramalkan kemampuan pendidikan kita menerapkan sikap pendidikan sivik.


## **2. Sorotan kajian**

Kajian yang dijalankan oleh diterangkan oleh Wahab (2010), kesejahteraan sosial dan pembangunan komuniti mempunyai kaitan yang kuat terhadap pendekatan derma sosial. Pendekatan ini mempunyai hubungan dengan pemberian, kesukarelaan dan peranan pertubuhan bukan kerajaan dalam menyediakan barang dan perkhidmatan sosial persendirian kepada mereka yang memerlukan. Sikap tolong menolong sesama manusia ini selalunya wujud dan diamalkan melalui derma sosial. Sebagai satu pendekatan tradisi (berasaskan nilai dan ajaran agama), derma sosial dilakukan berasaskan kepada rasa kasih sayang sesama manusia, berbuat baik (amal jariah) dan bersumber ajaran agama (Pathak, 1981). Pada peringkat awal perkembangannya, kegiatan derma sosial hanya dilakukan melalui kegiatan amal oleh individu kepada individu yang memerlukan. Kemudian kegiatan ini dilakukan oleh organisasi perkhidmatan khas seperti bantuan kepada golongan miskin, cacat atau orang tua.

Pendekatan derma sosial ini terus berkembang dan perkhidmatannya diperluaskan melalui pelbagai organisasi amal di seluruh dunia. Organisasi amal ini membentuk satu badan atau organisasi amal antarabangsa yang berusaha membantu negara-negara miskin. Walau bagaimanapun, didapati individu dan organisasi amal menjadi semakin sekular kerana aktiviti amal diserahkan kepada institusi agama sahaja. Institusi keagamaan dan badan amal ini lebih berbentuk organisasi yang hanya memberikan bantuan kepada penerima barang atau perkhidmatan yang pasif. Kerja amal ini juga bergantung kepada niat penderma dan juga keinginan kerajaan untuk menggunakan wang pembayar cukai untuk melakukan kegiatan-kegiatan amal. Walau bagaimanapun semua usaha dan kegiatan derma sosial ini bertujuan untuk menolong dan mempromosikan kesejahteraan sosial (Midgley, 1995).

### 3. Metodologi kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kuantitatif berbentuk tinjauan. Lokasi kajian ini adalah di kawasan Sepanggar di negeri Sabah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Seramai 152 pelajar Politeknik terlibat dalam kajian ini.



Rajah 1: Lokasi Kajian

Kaedah pungutan data adalah menggunakan teknik pensampelan random. Instrumen yang digunakan untuk memungut data adalah borang soal selidik. Item-item yang dalam borang selidik merupakan item-item yang dikenal pasti yang akan dapat menggambarkan tahap keprihatinan responden. Kajian akan dianalisis secara deskriptif.

### 4. Hasil kajian

#### 4.1 Analisis demografi

Berdasar kepada Jadual 1, seramai 152 sampel daripada kalangan pelajar telah dikutip. Majoriti responden adalah daripada pelajar Jabatan Perdagangan yang bahagian dalam menjawab soal selidik yang telah diedarkan iaitu sebanyak 66.4 peratus, diikuti oleh Jabatan Mekanikal (15.1 peratus) dan Jabatan Awam (9.2 peratus). Sementara itu, pelajar daripada semester satu merupakan responden yang paling ramai, diikuti oleh semester 4 dan 5. Walaupun begitu masih ada pelajar daripada semester 6 ke atas yang meluangkan masa untuk menjawab soal selidik kajian ini iaitu seramai 2 orang. Berdasarkan kepada kategori jantina, bilangan responden daripada pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki iaitu 57.2 peratus. Kebanyakan responden adalah yang tinggal di asrama yang disediakan oleh pentadbiran iaitu sebanyak 85.5 peratus, dan selebih adalah pelajar yang menyewa di kawasan luar kamsis dan tinggal bersama dengan keluarga. Seterusnya adalah pelajar Muslim adalah yang paling ramai mengambil bahagian dalam menjawab soal selidik ini berbanding pelajar bukan Islam iaitu seramai 75 peratus.

**Jadual 1. Demografi Responden**

	Item	Peratus
Jabatan	Kejuruteraan Awam	9.2
	Kejuruteraan Elektrik	5.9
	Mekanikal	15.1
	Perdagangan	66.4
	Hospitaliti & Pelancongan	3.3
Semester	1	41.4
	2	11.2
	3	9.2
	4	16.4
	5	20.4
	6 ke atas	1.3
Jantina	Lelaki	42.8
	Perempuan	57.2
Kediaman	Asrama	85.5
	Menyewa Di Luar	7.2
	Tinggal Bersama Keluarga	7.2
Agama	Islam	75
	Bukan Islam	25

#### **4.2 Analisis min dan kenormalan item**

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis skor min bagi 6 item. Item 3 iaitu “Derma dapat membentuk hubungan rapat dengan orang lain dalam komuniti saya” menyumbangkan kepada skor min yang tertinggi iaitu 4.0987, diikuti oleh Item 2 (4.0987) dan Item 1 (4.0395). Sementara itu, Item 6 memperoleh skor min terendah iaitu 3.9079. Berdasarkan kepada nilai skewness dan kurtosis, kesemua item adalah normal kerana berada di dalam julat  $\pm 3.00$  di mana jika nilai yang diperoleh adalah  $> 3$  atau  $< -3$  maka item tersebut berada di dalam taburan normal (Kline 2005).

**Jadual 2. Analisis SPSS**

Bil	Item	Min <sup>1</sup>	Sisihan Piawai	Skewness*	Kurtosis*
1	Saya rasa berkewajipan untuk mendermakan wang kepada badan amal tempatan.	4.0395	.87558	-.257	-1.243
2	Saya rasa penting untuk memberi derma untuk komuniti saya.	4.0987	.84383	-.525	-.271
3	Derma dapat membentuk hubungan rapat dengan orang lain dalam komuniti saya.	4.2368 <sup>2</sup>	.79516	-.612	-.667
4	Saya sangat prihatin terhadap kebajikan komuniti saya.	4.0132	.81368	-.248	-.908
5	Saya dengan mudah akan memberi wang untuk membantu jiran yang memerlukan pada masa-masa sukar.	3.9605	.85259	-.249	-.904
6	Saya sering mendermakan makanan kepada orang lain.	3.9079 <sup>3</sup>	.90879	-.299	-.885

\*Analisis kenormalan data. Semua nilai adalah normal

<sup>1</sup>Analisis min berdasarkan skala likat: 1: Sangat tidak setuju, 2: Tidak setuju, 3: Tidak pasti, 4: Setuju, 5: Sangat setuju

<sup>2</sup>Skor min tertinggi


<sup>3</sup>Skor min terendah

#### **4.3      Analisis deskriptif**

Rajah 2 menunjukkan analisis bagi Item 1 iaitu “rasa berkewajipan untuk mendermakan wang kepada badan amal tempatan”. Majoriti pelajar iaitu sebanyak 38.2 peratus sangat bersetuju, diikuti oleh tidak pasti (30.3 peratus) dan setuju (29.6 peratus). Namun begitu, terdapat juga segelintir responden merasa tidak berkewajiban untuk menderma kepada badan amal tempatan iaitu sebanyak 2 peratus tidak setuju. Ini kerana mungkin mereka menganggap derma perlu diberi terus ke penerima tanpa melalui badan amal tempatan.

1. Saya rasa berkewajipan untuk mendermakan wang kepada badan amal tempatan.


152 jawapan



Rajah 2: Analisis Item 1

2. Saya rasa penting untuk memberi derma untuk komuniti saya.

152 jawapan




Rajah 3: Analisis Item 2

Sementara itu, Rajah 3 menunjukkan analisis bagi Item 2. Majoriti pelajar iaitu sebanyak 38.2 peratus sangat bersetuju, diikuti oleh setuju (35.5 peratus) dan tidak pasti (25 peratus). Namun begitu, terdapat juga segelintir responden merasa tidak penting untuk memberi derma iaitu sebanyak 0.7 peratus (tidak setuju) dan 0.7 peratus (sangat tidak setuju). Dapatkan ini menunjukkan bahawa perlunya kempen atau ceramah berkaitan kelebihan menderma diadakan dengan kerap untuk membentuk kesedaran dalam kalangan pelajar IPTA. Kajian yang dijalankan oleh Dunn, Aknin dan Norton (2008) mendapati dengan membelanjakan wang yang kita peroleh akan mendatangkan kesejahteraan hidup.

3. Derma dapat membentuk hubungan rapat dengan orang lain dalam komuniti saya.

152 jawapan




Rajah 4: Analisis Item 3

Bagi Item 3 seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4, majoriti pelajar iaitu sebanyak 44.7 peratus sangat bersetuju bahawa derma dapat membentuk hubungan rapat dengan orang lain dengan komuniti, diikuti oleh setuju (35.5 peratus) dan tidak pasti (18.4 peratus). Namun begitu, terdapat juga segelintir responden merasa tidak penting untuk memberi derma iaitu sebanyak 1.3 peratus (tidak setuju). Dapatkan ini juga menunjukkan bahawa perlunya kempen atau ceramah berkaitan kelebihan menderma diadakan dengan kerap untuk membentuk kesedaran dalam kalangan pelajar IPTA agar pelajar sedar kepentingan sosial terhadap hubungan sosial.

4. Saya sangat prihatin terhadap kebijikan komuniti saya.

152 jawapan




Rajah 5: Analisis Item 4

Item 4 pula adalah berkaitan keprihatinan terhadap kebijikan komuniti seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5. Majoriti pelajar iaitu sebanyak 40.1 peratus adalah bersetuju, diikuti oleh sangat setuju (31.6 peratus) dan tidak pasti (26.3 peratus). Namun begitu, terdapat juga segelintir responden tidak prihatin terhadap kebijikan iaitu sebanyak 2 peratus (tidak setuju). Dapatkan ini juga menunjukkan bahawa perlunya kempen atau ceramah berkaitan kesedaran terhadap kesejahteraan sosial dalam kalangan pelajar IPTA.

5. Saya dengan mudah akan memberi wang untuk membantu jiran yang memerlukan pada masa-masa sukar.

152 jawapan




Rajah 6: Analisis Item 5

Rajah 6 menunjukkan analisis bagi Item 5. Majoriti pelajar iaitu sebanyak 37.5 peratus bersetuju untuk menghulurkan bantuan kewangan kepada jiran yang memerlukan pada masa-masa sukar, diikuti oleh sangat setuju (30.9 peratus) dan tidak pasti (28.3 peratus). Namun begitu, terdapat juga segelintir responden masih teragak-agak untuk menghulurkan bantuan kepada jiran ketika masa sukar iaitu sebanyak 3.3 peratus. Dapatkan ini menunjukkan perlunya pelajar-pelajar IPTA mengikuti program-program CSR dan dibawa melawat ke penempatan orang-orang miskin supaya timbul perasaan simpati ke atas mereka. Ini bagi mengurangkan sikap mementingkan diri sendiri walaupun sikap tersebut adalah semula jadi dalam diri manusia (Shaver, Mikulincer & Shemesh-Iron, 2010)

Saya sering mendermakan makanan kepada orang lain.

152 jawapan



Rajah 7: Analisis Item 6

Analisis yang terakhir adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7 menunjukkan analisis bagi Item 6. Majoriti pelajar iaitu sebanyak 34.9 peratus sering menderma kepada orang lain, diikuti oleh sangat setuju (30.9 peratus) dan tidak pasti (28.3 peratus). Namun begitu, terdapat juga segelintir responden tidak pernah atau jarang menghulurkan makanan kepada orang lain iaitu sebanyak 5.9 peratus. Dapatan ini menunjukkan masih banyak yang prihatin terhadap kesulitan yang dihadapi oleh orang lain.

## 5. Kesimpulan

Objektif kajian ini dijalankan untuk menilai tahap keprihatinan mahasiswa TVET Politeknik Kota Kinabalu (PKK), Sabah terhadap pendekatan sumbangan derma kepada masyarakat. Sebanyak 6 item berkaitan keprihatinan terhadap komuniti dibina dan dianalisis. Hasil dapatan menunjukkan masih banyak pelajar di Politeknik Kota Kinabalu mempunyai keprihatinan yang tinggi terhadap komuniti setempat. Ini dapat dibuktikan dalam Jadual 2 di mana 4 item yang dianalisis memperoleh skor melebihi 4. Hasil dapatan ini selari dengan kajian (Daud et al., 2018) yang mendapati rakyat Malaysia umumnya suka menderma. Walaupun begitu, usaha seperti ceramah kerohanian, kempen-kempen kesedaran dan program-program CSR yang membantu golongan tidak berkemampuan yang melibatkan pelajar perlu kerap diadakan. Selain dapat menyalurkan bantuan terus kepada yang memerlukan, tahap kesedaran dalam diri pelajar terhadap pendekatan membantu melalui derma akan dapat ditingkatkan.

## Rujukan

- Daud, S. R., Mukapit, M., Suhaime, I. L., Ahmad, K. S., Jogeran, J., & Sehat, N. S. (2018). Pendermaan Organ Di Malaysia: Dari Sudut Agama Dan Budaya. *E-Academia Journal*, 7(1).
- Deci, E. L., Cascio, W. F., & Krusell, J. (1975). Cognitive evaluation theory and some comments on the Calder and Staw critique.
- Dunn, E. W., Aknin, L. B., & Norton, M. I. (2008). Spending money on others promotes happiness. *Science*, 319(5870), 1687-1688.
- Gebauer, J. E., Riketta, M., Broemer, P., & Maio, G. R. (2008). Pleasure and pressure based prosocial motivation: Divergent relations to subjective well-being. *Journal of Research in Personality*, 42(2), 399–420.
- Intan, M. A. S. (2020). Didik hidup bermasyarakat sejak kecil. Bertarikh 26 Julai 2020. <https://www.hmetro.com.my/hati/2019/08/483898/didik-hidup-bermasyarakat-sejak-kecil-metrotv>
- Kline, R. B. (2005). *Principles and Practice of Structural Equation Modelling*. 2nd ed. New York: Guilford Press.
- Lee, Y. K., & Chang, C. T. (2007). Who gives what to charity? Characteristics affecting donation behavior. *Social Behavior and Personality: an international journal*, 35(9), 1173-1180.

- Meier, S., & Stutzer, A. (2004). *Is volunteering rewarding in itself? Evidence from a natural experiment* (No. 2004-12). CREMA Working Paper.
- Midgley, J. (1997). Social Welfare in Global Context. London: Sage Publications.
- Oarga, C., Stavrova, O., & Fetchenhauer, D. (2015). When and why is helping others good for well-being? The role of belief in reciprocity and conformity to society's expectations. *European Journal of Social Psychology*, 45(2), 242-254.
- Pathak, S. (1981). Social Welfare: An Evolutionary and Developmental Perspective. New Delhi: Macmillan India Limited.
- Shaver, P. R., Mikulincer, M., & Shemesh-Iron, M. (2010). A behavioral-systems perspective on prosocial behavior.
- Wahab, H. A. (2010). Kesejahteraan sosial dan pembangunan komuniti: pendekatan dan indikator.
- Weinstein, N., & Ryan, R. M. (2010). When helping helps: Autonomous motivation for prosocial behavior and its influence on well-being for the helper and recipient. *Journal of Personality and Social Psychology*, 98(2), 222–244.